



## **Kenyataan Media**

**CYBERJAYA**

**28 Jun 2021**

### **MASALAH CAPAIAN INTERNET DI KG. ULU SELADANG, SETIU: MCMC AMBIL TINDAKAN BANTU PELAJAR-PELAJAR YANG TERKESAN**

Susulan masalah capaian Internet lemah di Kg. Ulu Seladang, Permaisuri, Terengganu yang dilaporkan oleh Astro Awani pada 26 Jun 2021, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama-sama dengan wakil penyedia perkhidmatan telah turun padang dan melawat kedua-dua orang pelajar berkenaan serta para penduduk kampung tersebut. Pelbagai langkah untuk membantu menangani masalah yang dihadapi oleh penduduk tengah diambil.

Hasil tinjauan yang dijalankan mendapati, liputan Internet di kampung tersebut terhad kepada 3G sahaja dan oleh sebab itu, keperluan pelajar dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah tidak memadai.



Pengarah MCMC Terengganu, Encik Mohd Fairus Mohamad (baju berwarna biru tua) bersama-sama dengan wakil penyedia perkhidmatan melaksanakan tinjauan di lokasi aduan dan di menara sedia ada di Kampung Ulu Seladang, Setiu bagi menyiasat masalah capaian Internet lemah yang dihadapi oleh penduduk setempat.

Justeru, pihak MCMC ingin memaklumkan, di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), kerja-kerja menaik taraf menara komunikasi di Kg. Ulu Seladang kepada liputan 4G sedang giat dijalankan dan dijangka siap selewat-lewatnya penghujung Ogos 2021.

Apabila kerja-kerja menaik taraf menara komunikasi siap nanti, ia dijangka membantu menyelesaikan isu kualiti liputan di Kg. Ulu Seladang dan tiga (3) kampung sekitarnya iaitu Kg. Besut, Kg. Bayas dan Kg. Padang yang akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 orang penduduk.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



SKMM\_MCMC



MCMCTV